

16 AUG 2003

Wartawan-Merdeka

PROGRAM PWM-JELAJAH MERDEKA 2003 LEBIH BESAR TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Program Jelajah Merdeka 2003 anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) yang bermula esok akan membawa penjelajahan sejauh 3,600 kilometer yang merupakan sejarah baru dalam pengembaraan `superbike' di negara ini.

Presiden PWM, Yazid Othman, yang juga ketua kontijen Jelajah Merdeka 2003 berkata bahawa lebih 550 peserta dengan 446 motosikal kuasa tinggi (superbike) akan menyertai program itu yang diadakan buat tahun ketiga berturut-turut sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Menurutnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Mansor akan menyerahkan Jalur Gemilang kepada ketua kontijen pada 10.30 malam esok di Dataran Merdeka.

Para peserta akan kembali pada tengah malam 30 Ogos ketika ambang Merdeka dengan menyerahkan Jalur Gemilang itu dan ikrar patriotik kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka.

Yazid berkata pada tahun lepas, 445 superbike mengambil bahagian dalam pengembaraan lebih 2,200 kilometer.

"Matlamat kita ialah bahawa Hari Kemerdekaan bukan sekadar dirasai oleh masyarakat kota sahaja, tetapi semangat ini turut dirasai oleh segenap lapisan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar," katanya kepada pemberita.

Yazid berkata penasihat PWM iaitu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah juga penaung program Jelajah Merdeka 2003 yang akan menyaksikan penyertaan pelbagai kaum dari pelbagai peringkat usia dan latarbelakang seperti kakitangan kerajaan, swasta dan korporat.

Menurut Yazid di sepanjang penjelajahan itu, mereka akan membahagi-bahagikan bendera Jalur Gemilang kepada pelajar sekolah dan juga orang ramai khususnya di luar bandar agar mereka dapat menghayati perjuangan dan erti kemerdekaan.

Yazid berkata program kali ini mempunyai satu segmen penting iaitu ikrar patriotik dengan setiap menteri besar atau ketua menteri di seluruh negara akan menandatangani di setiap negeri yang kontijen itu singgah dan kemuncaknya ikrar itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir pada ambang Merdeka.

-- BERNAMA

RV AZZ PR